

TERHAD

970/3/A1 STPM 2011

SENI VISUAL

KERTAS 3

(PROJEK PENGHASILAN KARYA)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

Kertas ini mengandungi Arahan Kerja Kursus dan Soalan Kerja Kursus Seni Visual.

Anda dikehendaki membaca arahan yang diberikan dengan teliti sebelum memulakan projek penghasilan karya anda.

Ada empat pilihan soalan kerja kursus yang dikemukakan. Anda dikehendaki memilih satu soalan sahaja.

Kertas arahan dan soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak.

© Majlis Peperiksaan Malaysia 2011

ARAHAN KERJA KURSUS**Arahan Penyediaan Projek Penghasilan Karya****1 Penyediaan Portfolio dan Hasil Karya**

Kerja kursus ini memerlukan calon membuat portfolio dan hasil karya seperti yang berikut:

1.1 Portfolio (wajaran 50%)

- (a) **Satu** portfolio sahaja yang perlu disediakan.
- (b) Saiz portfolio ialah 28 cm × 38 cm daripada jenis kertas lukisan (kertas kartrij).
- (c) Portfolio hendaklah mengandungi dokumentasi bertulis dan bergambar tentang **keseluruhan proses pengkaryaan atau perekaan**.
- (d) Portfolio hendaklah mengandungi perihalan, ilustrasi, dan lakaran, gambar, dan rujukan seperti yang dikehendaki oleh soalan kerja kursus yang berkenaan.
- (e) Kandungan portfolio hendaklah ditaip dengan menggunakan komputer. Jenis fon untuk teks ialah *Times New Roman* dengan saiz 12 poin.
- (f) Tulisan kreatif yang sesuai boleh digunakan untuk kapsyen atau penerangan ringkas dalam portfolio.
- (g) Gambar langkah-langkah semasa proses penghasilan karya hendaklah disertakan pada bahagian akhir portfolio.
- (h) Pada muka depan kulit portfolio, butiran **nama mata pelajaran, kod kertas, nombor pusat, angka giliran, nombor kad pengenalan, dan nombor soalan kerja kursus** hendaklah ditaip dengan menggunakan komputer. (*lihat Lampiran A*).
- (i) Kulit portfolio mestilah kemas dan ringkas serta **tidak** perlu dihiasi atau ditampal dengan bahan asing (kolaj).
- (j) Portfolio hendaklah dijilid secara *comb binding*.

1.2 Hasil karya (wajaran 50%)

- (a) Hasil karya hendaklah dibuat dalam bentuk dua dimensi (2D) atau tiga dimensi (3D) mengikut spesifikasi yang ditetapkan bagi setiap soalan kerja kursus.
- (b) Bahan berbahaya seperti kaca, besi atau dawai yang tajam, bahan beracun (toksik), bahan cecair, dan bahan mudah pecah **tidak** boleh digunakan untuk menghasilkan karya.

- (c) Unsur sensitif yang menyentuh aspek budaya, kaum, jantina, agama, dan politik **tidak dibenarkan sama sekali** digunakan dalam hasil karya.
- (d) Hasil karya hendaklah dilabel dengan butiran **nama mata pelajaran, kod kertas, nombor pusat, angka giliran, nombor kad pengenalan, dan nombor soalan kerja kursus** (*lihat Lampiran A*).

2 Peraturan dalam Penghasilan Karya

- 2.1 Kerja kursus hendaklah dijalankan secara individu dengan bimbingan dan penyeliaan oleh guru Seni Visual.
- 2.2 Dalam proses penyediaan portfolio dan penghasilan karya, calon **tidak dibenarkan sama sekali** mendapatkan bantuan amali daripada orang lain.
- 2.3 Calon hendaklah menghasilkan karya mengikut kreativiti sendiri. Walau bagaimanapun, saiz hasil karya mestilah mengikut spesifikasi yang ditentukan bagi soalan kerja kursus yang dipilih.
- 2.4 Sekiranya terdapat bukti bahawa portfolio dan/atau hasil karya yang dihantar itu **bukan** hasil kerja calon yang sebenar, keputusan peperiksaan calon bagi mata pelajaran Seni Visual akan **dibatalkan**.

TERHAD

Lampiran A

4



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2011

SENI VISUAL

KERTAS 970/3

PROJEK PENGHASILAN KARYA

NO. PUSAT/ANGKA GILIRAN:

NO. KAD PENGENALAN:

NO. SOALAN KERJA KURSUS:

970/3/A1

TERHAD

SOALAN KERJA KURSUS

*Calon hendaklah memilih **satu** daripada empat soalan yang berikut:*

PENGKARYAAN

- 1 Hasilkan sebuah karya seni visual yang bertemakan “Keharmonian”. Hasil karya anda hendaklah menggunakan teknik *hard edges* dengan menggabungkan rupa huruf dan rupa geometri. Persembahan karya hendaklah dalam bentuk dua dimensi (2D) atau tiga dimensi (3D). Bagi yang memilih bentuk tiga dimensi (3D), teknik luakan boleh digunakan.

Hasil karya dua dimensi (2D) hendaklah berukuran **tidak** melebihi 40 cm × 60 cm. Hasil karya tiga dimensi (3D) pula hendaklah berukuran **tidak** melebihi 40 cm tinggi, 25 cm panjang, dan 25 cm lebar.

Portfolio karya seni hendaklah mengandungi

- kajian dan penyelidikan berdasarkan tema
- lakaran perkembangan idea
- lakaran akhir
- kajian media dan teknik
- pengolahan aspek-aspek komposisi dalam gubahan karya
- rujukan dan sumber maklumat

Nota: Semua proses yang dijalankan untuk menghasilkan karya perlu didokumentasikan mengikut urutan.

Hasil karya hendaklah diberi penekanan dari aspek

- ketepatan tema dan makna
- penerokaan media dan teknik
- pengolahan aspek komposisi
- keaslian
- kemasan

Nota: Karya hendaklah dihasilkan secara manual.

PENGKARYAAN

2 Hasilkan sebuah karya seni visual yang bertemakan “Kasih Ibu”. Hasil karya anda hendaklah menggunakan bahan yang sesuai dengan tema. Persembahan karya hendaklah dalam bentuk relif atau tiga dimensi (3D).

Hasil karya relif hendaklah berukuran **tidak** melebihi 40 cm × 60 cm. Hasil karya tiga dimensi (3D) pula hendaklah berukuran **tidak** melebihi 40 cm tinggi, 25 cm panjang, dan 25 cm lebar.

Portfolio karya seni hendaklah mengandungi

- kajian dan penyelidikan berdasarkan tema
- lakaran perkembangan idea
- lakaran akhir
- kajian media dan teknik
- pengolahan aspek-aspek komposisi dalam gubahan karya
- rujukan dan sumber maklumat

Nota: Semua proses yang dijalankan untuk menghasilkan karya perlu didokumentasikan mengikut urutan.

Hasil karya hendaklah diberi penekanan dari aspek

- ketepatan tema dan makna
- penerokaan media dan teknik
- pengolahan aspek komposisi
- pertimbangan estetik
- keaslian
- kemasan

Nota: Karya hendaklah dihasilkan secara manual.

PEREKAAN

3 Hasilkan sebuah reka bentuk pembungkusan pada produk kesihatan berdasarkan herba tempatan untuk golongan warga emas.

Reka bentuk tersebut melibatkan reka bentuk kotak yang kreatif, reka letak grafik pada kotak, dan reka letak grafik pada label botol plastik.

Saiz reka bentuk kotak anda hendaklah yang boleh memuatkan sebiji botol plastik untuk 500 mililiter (ml) isi padu cecair.

Portfolio perekaan hendaklah mengandungi

- permasalahan reka bentuk (*design brief*)
- kajian produk dan pembungkusan
- lakaran kenit (*thumbnail*) dan pemilihan lakaran
- lakaran komprehensif
- kajian reka letak, imej, dan tipografi
- senarai peralatan yang digunakan
- rujukan dan sumber maklumat

Nota: Semua proses yang dijalankan untuk menghasilkan karya perlu didokumentasikan mengikut urutan.

Hasil karya hendaklah mengandungi

- (i) reka bentuk pembungkusan, dengan reka letak grafik dan reka bentuk label bercetak, yang dilekatkan pada *mounting board*, dan
- (ii) *mock-up* satu pembungkusan yang mengandungi sebiji botol berlabel.

Hasil karya hendaklah diberi penekanan dari aspek

- ketepatan reka bentuk dan fungsi
- kemahiran penggunaan bahan dan teknik
- aplikasi bahasa seni visual
- keaslian
- kualiti persembahan
- kemasan

Nota: Reka bentuk pembungkusan boleh dihasilkan dengan menggunakan perisian komputer grafik. Namun demikian, perisian tersebut hanya boleh digunakan untuk menghasilkan karya akhir sahaja dan calon hendaklah menyatakan perisian yang digunakan. Penggunaan *Clip Art* dilarang sama sekali.

PEREKAAN

4 Hasilkan sebuah model reka bentuk ketuhar mikrogelombang (*microwave oven*) yang mempunyai dwifungsi, iaitu untuk kegunaan harian dan hiasan.

Hasil rekaan hendaklah berukuran **tidak** melebihi 30 cm panjang, 30 cm lebar, dan 30 cm tinggi. Calon hendaklah menggunakan bahan yang sesuai untuk membentuk model. Hasil rekaan hendaklah dibina dengan kukuh dan kemas.

Portfolio perekaan hendaklah mengandungi

- permasalahan reka bentuk (*design brief*)
- kajian maklumat
- kajian ergonomik
- lakaran dan lukisan konsep
- lukisan bentangan berskala
- lukisan terperinci berskala
- lukisan pemasangan
- lukisan lepaan (*rendering*)
- senarai bahan dan komponen model
- rujukan dan sumber maklumat

Nota: Semua proses yang dijalankan untuk menghasilkan karya perlu didokumentasikan mengikut urutan.

Hasil rekaan hendaklah diberi penekanan dari aspek

- ketepatan fungsi dan nilai estetik
- penggunaan bahan dan teknik untuk model
- menepati konsep ergonomik dan ruang
- keaslian dan inovasi
- kemasan